

Sambutan peringati tamat perang iktibar jaga kedaulatan

Beijing: Perarakan Kemenangan memperingati 80 tahun tamatnya Perang Dunia Kedua anjuran kerajaan China menjadi peringatan tepat pada masanya bahawa kedaulatan negara mesti dipertahankan dan dilindungi pada setiap masa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu semakin penting dalam landskap geopolitik masa kini yang terus bergolak dengan sistem antarabangsa semakin terjejas serta tidak stabil.

Beliau menegaskan, pembunuhan beramai-ramai di Gaza oleh rejim Israel yang terus melakukan kekejaman terhadap rakyat Palestin tanpa dikenakan tindakan adalah contoh nyata.

“Bagi saya, sambutan itu peringatan bahawa sesebuah negara harus bebas, merdeka dan berdaulat. Negara mesti dihormati kebebasannya.

“Pengalaman menyambut kedamaian serta penyelesaian selepas Perang Dunia Kedua, cara China bangkit menentang keganasan dan penjajahan, menjadi pengajaran kepada masyarakat kini, terutama di rantau kita,” katanya pada sidang media sempena tamat lawatan kerjanya ke Beijing dan Tianjin.

Anwar adalah antara pemimpin asing yang dijemput Presiden China Xi Jinping menghadiri perarakan peringatan itu di Dataran Tiananmen, semalam.

Mengenai penyertaannya pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) Plus 2025 di Tianjin, Anwar berkata meskipun Malaysia bukan anggota SCO, beliau dijemput Xi selaku Pengerusi untuk hadir sebagai tetamu khas dan berkongsi pandangan mengenai isu global semasa.

Anwar berkata beliau turut menekankan kegagalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaksanakan mandatnya dalam menyelesaikan krisis utama dunia sehingga menjejaskan lagi pengaruh global badan itu, sesuatu yang turut diakui Setiausaha Agungnya Antonio Guterres yang turut hadir pada persidangan berkenaan.

Perdana Menteri berkata, beliau juga mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin dunia di sela-sela Sidang Kemuncak SCO.

Antaranya, beliau berkata, pertemuan dengan Pemangku Presiden Myanmar Min Aung Hlaing yang membincangkan serta meneliti proses damai negara itu menjelang lawatan Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan hujung bulan ini. BERNAMA